

22 AUG 1997

China-Hak Asasi

CHINA SOKONG CADANGAN KL KAJI SEMULA PIAGAM HAK ASASI

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- China hari ini menyatakan penghargaan dan sokongannya terhadap cadangan Malaysia untuk mengkaji semula Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 1948.

Perdana Menteri China Li Peng berkata, kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang deklarasi itu harus dikaji semula dianggap oleh China sebagai satu yang "berwawasan dan berani".

"Kita mahu menyatakan penghargaan kita, kita juga menyatakan sokongan kita," kata beliau melalui jurubahasanya semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan ceramah bertajuk "Ke Arah Hubungan Persahabatan dan Kejiranan Yang Baik Sebagai Persediaan Bagi Abad ke 21," di sini.

Ceramah itu anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar turut dihadiri oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri Kabinet lain, Timbalan Menteri dan ahli-ahli perniagaan.

Dr Mahathir berkata, seruan Malaysia supaya deklarasi itu dikaji semula tidak akan melunturkan matlamatnya tetapi ia akan menangani pandangan yang tidak bersimpati mengenai masalah hak asasi manusia di negara-negara membangun.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus meminta deklarasi itu dikaji semula memandangkan ia ketinggalan zaman.

Setiausaha Negara Amerika Madeleine Albright yang menghadiri Forum Serantau Asean dan Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri Asean (PMC) di ibu negara baru-baru ini telah berkata Washington akan menghalang sebarang usaha melunturkan deklarasi itu yang didakwa beliau sebagai tanda sejagat bagi melindungi hak asasi manusia.

Cadangan Malaysia itu menimbulkan perbalahan beberapa negara Asia dengan Amerika Syarikat serta Kesatuan Eropah semasa persidangan berita di akhir PMC pada 29 Julai lepas.

Kedua-dua sekutu Barat itu telah menolak kajian semula terhadap deklarasi itu dengan berkata ia merupakan perbuatan melunturkan matlamat deklarasi itu yang menyebabkan Malaysia, Indonesia, Filipina dan China membantahnya.

Li juga berkata, orde politik dan ekonomi sekarang tidak "rational".

"Jurang antara Barat dan Timur semakin besar. Jadi, kita perlu menangani masalah itu dengan segera," kata beliau.

Li juga menolak dakwaan oleh "beberapa orang (negara)" yang China akan menjadi ancaman kepada jiran-jirannya.

"China tidak akan mengancam jiran-jirannya...pembangunan tentera China hanya bagi tujuan pertahanan. Sehingga hari ini, China masih belum mempunyai kapal pengangkut pesawat." --BERNAMA

ES PR